

CNS5447

R GB 07-05 00158 BA452

bah

PM SERU BEKAS PERAJURIT GUNA SEMANGAT GEMPUR REBUT PELUANG EKONOMI

Mahathir - Bekas Perajurit

SINTOK (KEDAH), 7 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bekas perajurit yang dilatih bertahun-tahun untuk +menggempur+ musuh hendaklah menimbulkan semangat itu dengan lebih hebat lagi untuk mencari peluang bagi keperluan diri dan keluarga.

Apa yang diperlukan ialah mengubah sasaran, dan kali ini yang hendak digempur ialah bagi mendapatkan peluang yang boleh menguatkan lagi ekonomi mereka, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata dengan itu akan tercapailah matlamat persatuan itu supaya bekas perajurit boleh menyara hidup mereka dan keluarga sebagaimana juga kakitangan kerajaan yang berpujian.

Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap merasmikan seminar kebangsaan anjuran Persatuan Bekas Perajurit Malaysia di Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini. Seminar itu bertema +Bekas Perajurit Malaysia; Pembangunan Ke Arah Wawasan 2020.

Beliau berkata untuk memenuhi kehendak Wawasan 2020, yang penting ialah semangat berdikari. -- Lagi.

▼07/05/12-16MST

CNS5462

R GB 07-05 00160 BA453

bah

Mahathir - Bekas Perajurit 2 Sintok

Selama ini kerajaan telah menunjuk arah dan menyediakan segala kemudahan latihan dan peluang untuk meningkatkan pencapaian diri dalam semua bidang, katanya.

+Menjelang 2020 terpulanglah kepada setiap individu untuk mengesan peluang-peluang untuk diceburi,+ kata Dr Mahathir sambil melahirkan keyakinan bekas perajurit sedar dan nampak yang peluang-peluang itu semakin bertambah.

Beliau berkata sifat-sifat mulia yang disemat dalam kehidupan perajurit juga boleh menjadi asas kepada segala kejayaan.

Kebanyakan bekas perajurit yang menceburi bidang perniagaan, perusahaan dan pekerjaan lain yang telah berjaya, tidak langsung mendapat latihan dalam pengurusan kewangan atau dalam mengendalikan perusahaan.

Tetapi oleh kerana disiplin diri, semangat dan hati yang cekat serta teliti terhadap perkembangan kerjayanya, akhirnya mereka berjaya, katanya.

+Dengan semangat yang kuat dan disiplin diri mereka berjaya menghadapi segala kerumitan perniagaan tanpa mengalah dan jatuh bangkrup,+ kata beliau. Mereka juga cepat memulihkan semula perniagaan dan perusahaan mereka. -- Lagi.

▼07/05/12-38MST

R GB 07-05 00185 BA454

bah

Mahathir - Bekas Perajurit 3 Sintok

Dr Mahathir berkata bekas perajurit di Malaysia bolehlah dikatakan lebih beruntung daripada bekas perajurit di negara-negara lain kerana jumlahnya tidak begitu besar dan kerajaan mampu memberi berbagai-bagai bentuk bantuan.

Katanya dengan ekonomi yang kukuh, peluang pekerjaan bagi mereka yang berminat dan mampu adalah mencukupi. Oleh yang demikian, kebajikan mereka tidaklah menjadi masalah yang tidak dapat diatasi.

Beliau berkata masalah yang dihadapi oleh Persatuan Bekas Perajurit di negara ini ialah untuk menjamin keselesaan hidup anggotanya setanding dengan taraf ekonomi negara yang berkembang.

+Oleh kerana negara kita stabil dan ekonominya kukuh dan ramai yang berasa terhutang budi kepada perajurit serta ramai yang bermurah hati, kita boleh mengadakan tabung kutipan derma bekas perajurit yang berkemungkinan mendapat sumbangan daripada dermawan+, katanya.

Kerajaan pula, katanya, melalui Kementerian Pertahanan, menjamin agar semua perajurit yang akan bersara disediakan latihan dalam pelbagai bidang, supaya mereka memiliki kebolehan tertentu apabila bersara.

Mereka diberi peluang melengkapkan diri sebelum bersara kerana kerajaan tahu jika mereka menganggur seisi keluarga mereka akan mengalami kesempitan hidup, katanya. -- Bernama.

▼07/05/12-48MST